

Menangani masalah remaja bersama

"Remaja"



ISU-ISU semasa berkaitan kebebasan remaja dan gejala sosial sekeliling yang melibatkan generasi muda ini sering menjadi isu hangat kalangan individu, para pemimpin dan masyarakat amnya. Remaja sentiasa menjadi agenda utama persoalan mereka hinggalah pelbagai spekulasi, tanggapan sama ada yang baik atau buruk ditujukan kepada remaja. Kalangan remaja sering dijadikan modal utama perbincangan seluruh peringkat masyarakat lebih-lebih lagi dengan adanya kemasukan arus perdana moden, kemajuan yang pesat dan era kecanggihan sekeliling apa lagi menjelangnya alaf baru.

Pelbagai isu berat dan menarik seperti kes-kes pembuangan bayi, kes perkosaan, pecah rumah, kejadian ragut, perlumbaan haram, bohsia, bohan dan banyak lagi mengandaikan dengan kukuh bahawa gejala ini hanya disebabkan oleh remaja, muda-mudi masa kini yang sudah lali dan terpengaruh dengan gaya hidup penuh kebebasan, moden, dan tiada batasan.

Remaja sering menjadi tempat mempersalahkan dan dipersalahkan ke atas apa jua yang berlaku dan sudah berlaku kerana melihatkan dewasa ini remaja dilihat sebagai tidak punya pegangan, identiti sendiri untuk hidup di dunia serba mencabar ini. Apa lagi remaja dijadikan objek suka melepak di pusat-pusat bandar sambil menghabiskan masa terbuang dan berseronok begitu sahaja.

Remaja sentiasa dilabelkan sebagai golongan paling

peka, sensitif kepada pembaharuan sama ada untuk menerima kemasukan budaya luar, fesyen-fesyen asing atau apa saja yang dicipta dari Barat. Sebagai contoh, walaupun gejala melepak sering dianggap membuang masa dan tidak berfaedah, remaja tidak dapat lari kerana seringkali dikaitkan dengan gejala ini apatah lagi untuk menghalang pandangan masyarakat bahawa sekali mereka duduk bersama rakan, berkumpul untuk seketika, orang akan memandang mereka sebagai melepak.

Ramai dikalangan kita tidak mahu mengakui bahawa tidak semua remaja suka melepak walaupun tujuan mereka sebenarnya mungkin bersebab atau setidak-tidaknya hanyalah untuk menemui rakan.

Kita juga menyedari akibat kebebasan dan kehidupan sosial yang tidak berbatas telah membuatkan remaja banyak menghabiskan masa di luar rumah sehingga kadang kala tidak pulang langsung. Namun persoalan, mengapa remaja lebih suka keluar daripada duduk di rumah, berteman dengan adik-beradik dan ibubapa mereka? Mengapa acapkali mereka ditemui atau mendapati suka memberikan alasan bosan dan jemu mendengar leteran kedua orang tua sebagai alasan untuk berada di luar rumah. Dalam hal ini, tentunya kita boleh mengagak siapa yang siapakah yang sepatutnya memainkan peranan apa lagi sebagai pembimbing dan ketua dalam rumah. Sebagai contoh, kebanyakan masa anak-anak dihabiskan di sekolah dari pagi sampai

ke tengahari. Itupun jika tidak sebarang kelas tambahan, kurikulum atau kelas Fardhu-Ain. Sehabis dari sekolah, kemanakah hala tuju mereka. Adakah kita pasti mereka akan terus pulang ke rumah atau mungkin akan melencong ke tempat lain, lebih gemar menghabiskan masa-masa terluang dengan rakan mereka.

Jadi, tentunya kita dapat mengandaikan, bagi remaja dalam bandar kesempatan mengunjungi pusat bandar memang tidak mungkin dilepaskan apa lagi jika dengan rakan-rakan yang sudah biasa dengan keadaan di bandar. Bagaimana pula jika remaja menghadapi krisis dengan ibubapa? Lagilah mereka suka melepak di luar. Tetapi bagi remaja luar bandar, adakah mereka akan bersusah payah perlu ke pusat bandar. Kalau dekat tak apalah juga tetapi kalau jauh? Jadi, bagaimana pula remaja ini menghabiskan masa mereka. Adakah melepak juga? Sebenarnya remaja tidak sepatutnya dijadikan tempat melepaskan kemarahan, kesilapan semamata atau menganggap sentiasa bersalah. Remaja juga seorang manusia, punya hati dan perasaan. Mereka juga mempunyai pandangan, buah fikiran dan pendapat yang patut didengar. Tidak semua remaja sukakan permasalahan dan tidak semua remaja memang bermasalah.

Dalam hal remaja yang liar sekarang, mereka ini sebenarnya perlukan bimbingan dan tunjuk ajar. Remaja tidak mampu menerima perubahan dalam sekelip mata kerana



Memang diakui mengharungi zaman remaja cukup mencabar

mereka bukanlah mesin atau robot yang boleh digerakkan atau diubah-ubah apabila suka dan boleh dihentikan apabila tidak disukai.

Walaupun pelbagai inisiatif kerajaan dan pihak-pihak tertentu dalam usaha membendung permasalahan remaja, kita tidak sepatutnya hanya berpeluk tubuh dan melihat usaha ini tanpa bantuan dan dorongan masyarakat. Masyarakat perlu prihatin dengan keadaan remaja. Mereka bukanlah perosak bunga, bukannya penghancur negara kerana remaja adalah pelapis masa depan, penggerak wawasan akan datang kerana tanpa golongan ini, siapa lagi yang mampu merealisasikan impian pemimpin, masyarakat dan seluruh rakyat negara ini.

Remaja bukanlah insan yang minta dipuji, di belai atau dikongkong tetapi remaja juga perlukan perhatian semua, per-

hatian masyarakat, sikap ambil berat masyarakat, kerajaan dan seluruh warga yang prihatin. Memang diakui mengharungi zaman remaja cukup mencabar, penuh dugaan apabila mudah terpengaruh kepada sesuatu yang baru. Tentu sekali kita tidak mahu melihat generasi remaja kita terus lemas gara-gara kemajuan luar yang sentiasa kita cedok apa lagi menghadapi dunia yang semakin penuh cabaran dan kompleks ini.

Tidak ada apa yang lebih baik daripada usaha menangani gejala sosial yang terlalu berat kini lebih-lebih lagi melibatkan negara. Usaha membendung gejala penagihan dadah, pembuangan bayi, kes-kes rogol, kecurian, hidu gam dan sebagainya perlu terus ditangani, dipergiatkan kerana apalah gunanya jika membasmi dalam tempoh yang singkat tanpa sesuatu yang berterusan.

Bukannya mudah untuk membendung gejala ini tetapi lebih baik diusahakan daripada kita hanya berpeluk tubuh dan berputih mata di kemudian hari. Dalam pada itu, janganlah menjadikan remaja selaku punca segala keruntuhan akhlak itu. Ini adalah masalah negara, masalah kita dan hak kita berusaha menyelesaikannya.

Usaha membendung dan memberikan kaunseling kepada golongan seperti 'mak nyah', tomboy dan mereka yang tidak beradab ini juga perlu kerana golongan seperti ini bukan sahaja merosakkan remaja malah akhlaq diri dan bangsa. Kita tidak mahu remaja menjadi tempat masyarakat mencemooh, menghina kerana remaja juga mempunyai harga diri dan maruah yang perlu dipelihara. Golongan seperti ini sebenarnya bukan setakat memalukan diri malah kita sendiri. Kita akui masalah sosial tidak akan dapat diselesaikan dalam jangka masa yang singkat tetapi adalah hak kita mencipta yang terbaik buat generasi muda dan memelihara akhlak serta akidah mereka.

Kita semua sudah pasti berharap kerajaan, para pemimpin, agensi-agensi awam dan swasta, pertubuhan bukan kerajaan, badan-badan dakwah, kebajikan dan masyarakat seluruhnya dapat berganding bahu dan berusaha membawa generasi muda kita ini ke arah kesejahteraan dan terpelihara daripada gejala yang tidak diinginkan ini.

Jika bukan kita yang sepatutnya melakukan, dari siapa pula patut kita minta pertolongan?